

Headline	1,142 permohonan rumah RMR1M lulus		
MediaTitle	Harian Metro (Utara)		
Date	04 Apr 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	214,000
Page No	42	Readership	642,000
Language	Malay	ArticleSize	229 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,748
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,245



## 1,142 permohonan rumah RMR1M lulus



**FAKTA**  
Bagi Parlimen  
Kangar 191 RMR1M  
siap dibina

**Kangar:** Sebanyak 1,142 permohonan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) di Perlis diluluskan sejak ia dilancarkan pada 2002 bagi membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah kediaman.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man berkata, daripada jumlah itu, 877 siap dibina manakala 265 masih dalam pembinaan.

"Bagi Parlimen Kangar sahaja 191 RMR1M siap dibina manakala 50 lagi dijangka siap menjelang akhir tahun ini," katanya selepas menyempakan Sijil Kelayakan RMR1M Peringkat Parlimen Kangar kepada 39 pemohon yang berjaya dalam majlis anjuran Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), di sini, semalam.

Beliau turut menyempakan Inden Kerja RMR1M Peringkat Parlimen Kangar kepada 18 kontraktor yang dilantik untuk membina 39 rumah yang baru diluluskan permohonan SPNB.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kebajikan Masyarakat dan Perpaduan Masyarakat dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bintong, Rela Ahmad; Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri yang juga ADUN Kayang, Ahmad Bakri Datuk Ali dan Ahli Lembaga Pengarah SPNB, Wan Omar Wan Ab Ghani.

SPNB membina rumah satu tingkat berkeluasan 1,000 kaki persegi (92 meter persegi) berharga RM65,000 termasuk subsidi kerajaan sebanyak RM20,000. Pemohon mestilah berpendapatan tidak melebihi RM3,000 sebulan di mana mereka tidak perlu mengeluarkan wang pendahuluan dan yuran guaman.

**AZLAN** (empat dari kiri) merayakan sebahagian daripada 39 penerima Sijil Kelayakan RMR1M pada majlis anjuran SPNB di Hotel Putra Regency Kangar.